


Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	16 MARCH 2015



KUALA LUMPUR 15 Mac AhH-ahli

kap terbuka dan sentiasa meneliti setiap maklumat agar tidak mudah terperangkap dengan pandangan satu pihak.

UMNO Sabah, Datuk Seri Mohd. Salleh Said Keruak berkata, ini termasuk dalam hal berkaitan tulisan terbaharu Tun Dr. Mahathir Mohamad berhubung isu Malaysia Development Berhad (IMDB).

Katanya, sesuatu pandangan yang dilontarkan perlu dianalisis, ditapis dan dibuat perbandingan dengan pandangan pihak lain.

"Lebih penting, kita perlu sentiasa waspada dan berhati-hati dengan serangan bersifat peribadi. Jangan mudah terperangkap dengan pandangan satu pihak sahaja.

"Seperti diperingatkan Datuk Seri Najib Tun Razak ketika merasmikan Konvensyen UMNO Kedah semalam, ahli UMNO perlu bersatu dan mengekalkan semangat berpasukan bagi mengekalkan kekuatan parti menghadapi pilihan raya umum akan datang," katanya.



Mohd. Salleh yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah berkata demikian dalam blog beliau, <http://sskeruak.bhgs-pot.com>.

Menurut Salleh, yang rugi di sebalik tulisan Dr. Mahathir berhubung isu IMDB adalah UMNO sendiri kerana apa yang dilakukan bekas Perdana Menteri itu tidak akan menyelesaikan masalah sokongan ke atas parti.

Sebaliknya kata beliau, perkara itu hanya akan memburukkan lagi keadaan yang mana apabila UMNO menjadi lemah, maka kerajaan boleh menjadi goyah.

"Dalam tulisan terbaharu beliau berhubung isu IMDB ini, Dr. Mahathir terus mempersoalkan keputusan Kabinet agar Ketua Audit Negara membuat pemeriksaan, sedangkan ia baru bermula.

"Perdana Menteri meminta Ketua Audit Negara untuk menyemak akaun IMDB kerana mahu ketelusan. Tapi, belum sempat ia melaksanakan tugas itu, Dr. Mahathir awal-awal kritik dan mahu siasatan yang lebih meluas pula. Alasannya, rakyat masih tidak puas hati berkenaan IMDB," jelasnya.